

PROGRAM 'GREEN TOURISM DAY' SPE

Bersempena dengan Minggu SPE 2011, para pelajar program Pengurusan Pelancongan (HP08) turut menganjurkan 'Green Tourism Day' bertemakan 'A Tunnel of Knowledge Exploration' pada 9 Disember 2011 bertempat di Foyer SPE dan telah dirasmikan oleh Dr. Raman Noordin (Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar, SPE). Matlamat utama program ini adalah bagi mendedahkan para pelajar berkenaan pelancongan dan amalan-amalan terbaik bagi mencapai kemampunan industri pelancongan. Program yang disasarkan kepada golongan pelajar dan belia ini diharap dapat memberi kesedaran terhadap kepentingan pelancongan yang bertanggungjawab serta menjadi panduan dalam mengendalikan perniagaan yang mampan kelak. Bagi mencapai matlamat di atas, antara aktiviti yang dijalankan termasuklah pertandingan kitar semula, kuiz pelancongan serta pameran.

